



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
**NEGERI KELANTAN**

**SIRI 2**





---

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

---

AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN

SIRI 2





---

# KANDUNGAN

---



---

# KANDUNGAN

---

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	<b>PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN</b> Pengurusan Perolehan
12	<b>PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN</b> Kelantan Gold Trade Sdn. Bhd.
31	PENUTUP





---

# KATA PENDAHULUAN

---



---

# KATA PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan “AG’s Dashboard” yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Audit terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Jabatan/Agensi/Syarikat pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 1 Agensi dan 1 Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 7 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2014 Siri 2 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
5 Mei 2015



---

# INTISARI LAPORAN

---



---

# INTISARI LAPORAN

---

## 1. PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

### - Pengurusan Perolehan

1.1. Objektif penubuhan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) adalah untuk menyediakan persekitaran yang membantu dan menggalakkan pembangunan usahawan tulen yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing dalam semua sektor serta memupuk budaya keusahawanan di kalangan rakyat Kelantan. Pengurusan PKINK dijalankan berdasarkan Undang-Undang Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan Tahun 1966.

1.2. Selaras dengan objektif penubuhannya, PKINK telah membuat perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan bagi tujuan menyediakan persekitaran dan menggalakkan pembangunan usahawan di Negeri Kelantan. Bagi tahun 2012 hingga 2014, PKINK telah menerima geran sejumlah RM17.60 juta daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan sejumlah RM35.29 juta daripada peruntukan PKINK sendiri bagi tujuan perolehan.

1.3. Bagi tempoh antara tahun 2012 hingga 2014, perbelanjaan keseluruhan oleh PKINK adalah berjumlah RM94.63 juta. Manakala perbelanjaan perolehan bagi tempoh yang sama adalah berjumlah RM25.51 juta atau 27.0% daripada perbelanjaan keseluruhan iaitu daripada sumber PKINK RM12.97 juta dan RM12.54 juta daripada sumber Persekutuan.

1.4. Hasil daripada pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga April 2015 mendapati pada umumnya pengurusan perolehan secara pembelian terus adalah memuaskan kerana PKINK telah mematuhi prosedur dan peraturan yang ditetapkan kecuali bagi projek penambahaikan Medan Ikan Bakar (MIB) dan Kilang Hub Halal yang kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang diterangkan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Projek Penambahbaikan Medan Ikan Bakar (MIB) -
  - Pengurangan skop projek yang besar menjaskan tujuan perolehan dibuat.
  - Item *preliminaries* tidak mematuhi tatacara perolehan.
- Penambahbaikan Kilang Hub Halal belum disewa.

1.5. Bagi memastikan pengurusan perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam, PKINK adalah disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

**1.5.1.** Merancang dengan teliti sebelum membuat perolehan untuk mengelakkan pembaziran, projek yang siap dapat digunakan serta mencapai objektif serta mematuhi peraturan semasa yang berkuat kuasa sepenuhnya dalam membuat perolehan.

**1.5.2.** Meningkatkan promosi bagi mendapatkan penyewa kilang-kilang.

## **2. PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN**

- **Kelantan Gold Trade Sdn. Bhd.**

**2.1.** Kelantan Gold Trade Sdn. Bhd. (KGT) ditubuhkan pada 23 Oktober 2008. KGT merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Modal dibenarkan KGT berjumlah RM5.0 juta dan modal berbayar berjumlah RM2.5 juta. Ia ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan menjadi pelopor pertama kepada penggunaan Dinar (Emas) dan Dirham (Perak) sebagai sistem muamalat pertama di Malaysia. Pelancaran Dinar dan Dirham sebagai mata wang syariah telah dilaksanakan secara rasminya oleh Kerajaan Negeri Kelantan pada 12 Ogos 2010.

**2.2.** Aktiviti utama KGT ialah membeli dan menjual syiling emas (Dinar) dan syiling perak (Dirham). Visi syarikat adalah memberi komitmen yang tinggi dalam memasarkan produk Dinar dan Dirham dengan cara yang terbaik, sistem yang cemerlang dan teknik yang berkualiti bagi memartabatkan mata wang syariah. Manakala misinya memberi pengetahuan dan pemahaman lebih mendalam kepada orang ramai mengenai keupayaan Dinar dan Dirham dalam mengukuhkan ekonomi masyarakat Malaysia dalam jangka masa panjang serta meningkatkan taraf hidup masyarakat melalui perniagaan Dinar dan Dirham. Antara objektif utama KGT adalah memastikan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan menjadikan Dinar dan Dirham sebagai mata wang syariah akan menjadi kenyataan. Ahli Lembaga Pengarah KGT terdiri daripada 7 orang iaitu Ahli Parlimen Kota Bharu selaku Pengurus serta 2 wakil Kerajaan, 2 orang pensyarah, seorang ahli perniagaan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK manakala Pengurusan KGT diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 8 orang kakitangan.

**2.3.** Pengauditan yang dijalankan pada Ogos hingga Oktober 2014 mendapati prestasi kewangan KGT adalah kurang memuaskan kerana KGT mengalami kerugian bersih berjumlah RM0.02 juta pada tahun 2012 dan RM0.63 juta pada tahun 2013. Analisis nisbah juga menunjukkan trend penurunan bagi tahun 2012 dan 2013. Tadbir urus korporat KGT adalah memuaskan namun terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan seperti berikut:

- Perolehan Dinar dan Dirham tanpa perjanjian.
- Penyerahan Dinar dan Dirham dibuat sebelum bayaran diterima.
- Pembelian balik (*buyback*) tanpa prosedur dan kawalan.
- Dinar dan Dirham tiada sijil ketulenan.
- Agen pemasaran (wakalah) tidak menandatangani serta mematuhi syarat perjanjian.

- Pengurusan stok Dinar dan Dirham kurang memuaskan.
- Tiada surat lantikan bagi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Penasihat, Pengarah dan Pengarah Eksekutif Syarikat.
- Aset tidak dimanfaatkan bagi menjana pendapatan kepada Syarikat.

**2.4.** Secara keseluruhannya, pengurusan KGT adalah kurang memuaskan. Bagi tujuan penambahbaikan dan mempertingkatkan prestasi syarikat, pihak Audit mengesyorkan KGT mengambil langkah berikut:

**2.4.1.** Melaksanakan kajian semula terhadap penggunaan Dinar dan Dirham sebagai mata wang syariah di Kelantan khususnya dan di Malaysia amnya bagi memastikan objektif penubuhan KGT tercapai.

**2.4.2.** Memastikan pengurusan, pengawalan dan penyeliaan stor/stok dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Mempertingkatkan usaha dan mengambil tindakan secara proaktif bagi memastikan stok dapat dijual serta mengurangkan perbelanjaan simpanan stok bagi memastikan syarikat mendapat keuntungan.

**2.4.3.** Memastikan kawalan dalaman yang berkesan bagi pengurusan kewangan syarikat agar selaras dengan peraturan kewangan yang ditetapkan.

**2.4.4.** Memastikan rekod diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan teratur bagi menjelaskan transaksi dan kedudukan kewangan syarikat.

**2.4.5.** Memastikan aset dapat dimanfaatkan sewajarnya bagi menjana pendapatan kepada syarikat.





---

AKTIVITI  
JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI

---



# PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN


## 1. PENGURUSAN PEROLEHAN

### 1.1. LATAR BELAKANG

**1.1.1.** Objektif penubuhan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) adalah untuk menyediakan persekitaran yang membantu dan menggalakkan pembangunan usahawan tulen yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing dalam semua sektor serta memupuk budaya keusahawanan di kalangan rakyat Kelantan. Pengurusan PKINK dijalankan berdasarkan Undang-Undang Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan Tahun 1966.

**1.1.2.** Selaras dengan objektif penubuhannya, PKINK telah membuat perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan bagi tujuan menyediakan persekitaran dan menggalakkan pembangunan usahawan di Negeri Kelantan. Bagi tahun 2012 hingga 2014, PKINK telah menerima geran sejumlah RM17.60 juta daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan sejumlah RM35.29 juta daripada peruntukan PKINK sendiri bagi tujuan perolehan seperti di **Carta 1.1**.

**Carta 1.1**  
**Peruntukan Perolehan PKINK Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**



Sumber: PKINK

**1.1.3.** Bagi tempoh antara tahun 2012 hingga 2014, perbelanjaan keseluruhan oleh PKINK adalah berjumlah RM94.63 juta. Manakala perbelanjaan perolehan bagi tempoh yang sama adalah berjumlah RM25.51 juta atau 27.0% daripada perbelanjaan keseluruhan iaitu daripada sumber PKINK RM12.97 juta dan RM12.54 juta daripada sumber Persekutuan. Perbandingan jumlah perbelanjaan keseluruhan dan perbelanjaan berkaitan perolehan adalah seperti di **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1**  
**Perbandingan Perbelanjaan Keseluruhan Dan Perbelanjaan Perolehan PKINK Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Perbelanjaan Keseluruhan (RM Juta)	Perbelanjaan Perolehan (RM Juta)	Peratus (%)
2012	43.07	10.13	24.0
2013	27.81	8.02	29.0
2014	23.75	7.36	31.0
<b>Jumlah</b>	<b>94.63</b>	<b>25.51</b>	<b>27.0</b>

Sumber: PKINK

**1.1.4.** Tatacara Perolehan PKINK adalah tertakluk kepada Peraturan Akaun dan Kewangan PKINK 1980, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Kontrak, Pekeliling dan Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Kaedah perolehan yang dijalankan seperti pembelian terus, sebut harga dan tender. Kedudukan terperinci mengenai perolehan yang telah dilaksanakan oleh PKINK dalam tempoh antara tahun 2012 hingga tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 1.2**.

**Jadual 1.2**  
**Perolehan PKINK Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Sumber Peruntukan	Pembelian Terus		Sebut Harga		Tender		Jumlah Keseluruhan	
		(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)
2012	PKINK	248	1.18	9	0.72	2	2.58	259	4.48
	Persekutuan	-	-	17	4.51	1	1.14	18	5.65
2013	PKINK	252	0.84	5	0.14	1	1.48	258	2.46
	Persekutuan	-	-	4	1.69	3	3.87	7	5.56
2014	PKINK	324	1.48	9	0.40	1	4.15	334	6.03
	Persekutuan	-	-	-	-	1	1.33	1	1.33
<b>Jumlah</b>		<b>824</b>	<b>3.50</b>	<b>44</b>	<b>7.46</b>	<b>9</b>	<b>14.55</b>	<b>877</b>	<b>25.51</b>

Sumber: PKINK

## 1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja telah dirancang serta diuruskan mengikut peraturan, cekap dan berhemat bagi mencapai tujuan perolehan dibuat.

## 1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan perolehan PKINK secara pembelian terus, sebut harga dan tender bagi tahun 2012 hingga tahun 2014. Bagi pembelian terus 60 sampel telah dipilih daripada 824 pembelian terus yang dibuat sepanjang tahun 2012 hingga 2014. Bagi sebut harga dan tender, semakan Audit telah dijalankan terhadap 14 sebut harga dan 5 tender daripada keseluruhan 44 sebut harga dan 9 tender. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail projek, minit mesyuarat Lembaga Perolehan, fail penilaian projek, rekod dan dokumen yang berkaitan. Selain itu, pengesahan terhadap projek yang dipilih juga dibuat bersama pegawai PKINK semasa lawatan ke tapak projek. Untuk mendapat maklum balas, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang berkenaan juga telah dilaksanakan. *Exit Conference* bersama Timbalan Ketua Eksekutif PKINK telah diadakan pada 26 April 2015.

## 1.4. PENEMUAN AUDIT

Hasil daripada pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga April 2015 mendapati pada umumnya pengurusan perolehan secara pembelian terus adalah memuaskan kerana PKINK telah mematuhi prosedur dan peraturan yang ditetapkan kecuali bagi projek penambahaikan Medan Ikan Bakar (MIB) dan Kilang Hub Halal yang kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang diterangkan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Projek Penambahaikan Medan Ikan Bakar (MIB) -
  - Pengurangan skop projek yang besar menjaskan tujuan perolehan dibuat.
  - Item *preliminaries* tidak mematuhi tatacara perolehan.
- Penambahbaikan Kilang Hub Halal belum disewa.

### 1.4.1. Prestasi Perbelanjaan Perolehan

**1.4.1.1.** Dalam tempoh antara tahun 2012 hingga 2014, sejumlah RM25.51 juta atau 48.0% telah dibelanjakan bagi tujuan perolehan. Perbelanjaan ini terdiri daripada sejumlah RM12.54 juta atau 71.2% peruntukan Kerajaan Persekutuan dan RM12.97 juta atau 37.0% peruntukan PKINK. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Perolehan PKINK Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Persekutuan			PKINK		
	Geran (RM Juta)	Perbelanjaan		Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	(%)
2012	1.35	5.65	104.1	12.93	4.48	35.0
2013	14.61	5.56	38.1	11.03	2.46	22.0
2014	1.64	1.33	81.1	11.32	6.03	53.3
<b>Jumlah</b>	<b>17.60</b>	<b>12.54</b>	<b>71.2</b>	<b>35.29</b>	<b>12.97</b>	<b>37.0</b>

Sumber: PKINK

**1.4.1.2.** PKINK telah menunjukkan prestasi perbelanjaan yang memuaskan bagi peruntukan Kerajaan Persekutuan. Bagi peruntukan PKINK, prestasi perbelanjaan adalah rendah berbanding dengan peruntukan yang diluluskan iaitu purata perbelanjaannya cuma 37.0%. Keadaan ini berlaku disebabkan kesilapan PKINK menyediakan anggaran yang tinggi bagi pengiklanan dan publisiti, perabot pejabat serta loji dan jentera tetapi tidak dibelanjakan. Selain itu terdapat juga projek yang dirancang tetapi tidak dilaksanakan kerana ia telah diserahkan kepada syarikat subsidiari.

**1.4.1.3.** Dalam tahun 2012 hingga 2014, PKINK telah membelanjakan sejumlah RM25.51 juta untuk tujuan pelbagai perolehan iaitu 824 perolehan secara pembelian terus, 44 perolehan melalui sebut harga dan 9 perolehan melalui tender. Sejumlah RM3.50 juta atau 14.0% dibelanjakan melalui pembelian terus, RM7.46 juta atau 29.0% melalui kaedah sebut harga dan RM14.55 juta atau 57.0% melalui kaedah tender.

Maklumat terperinci bagi perolehan mengikut kaedah pembelian terus, sebut harga dan tender bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 1.4**.

**Jadual 1.4**  
**Perolehan PKINK Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Pembelian Terus		Sebut Harga		Tender		Jumlah	
	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)
2012	248	1.18	26	5.23	3	3.72	277	10.13
2013	252	0.84	9	1.83	4	5.35	265	8.02
2014	324	1.48	9	0.40	2	5.48	335	7.36
<b>Jumlah</b>	<b>824</b>	<b>3.50</b>	<b>44</b>	<b>7.46</b>	<b>9</b>	<b>14.55</b>	<b>877</b>	<b>25.51</b>

Sumber: PKINK

#### 1.4.2. Pengurangan Skop Projek Yang Besar Menjejaskan Objektif Perolehan

**1.4.2.1.** Projek Penambahbaikan Medan Ikan Bakar (MIB) bertujuan menjadikan MIB di Mukim Kedai Buloh PCB Kota Bharu sebagai destinasi pelancongan baru di Kelantan. Sejumlah RM8.50 juta telah diperuntukkan dalam RMKe-10 di bawah Kementerian Kewangan. Sepanjang tempoh tahun 2012 hingga 2013, PKINK telah melaksanakan 13 perolehan bagi projek penambahbaikan MIB berjumlah RM3.90 juta. Perolehan tersebut melibatkan 12 sebutharga dan satu tender terbuka seperti di **Jadual 1.5**.

**Jadual 1.5**  
**Projek Penambahbaikan Medan Ikan Bakar**  
**Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2013**

Bil.	No. Sebutharga/Tender	Perkara	Amaun (RM)
1.	06/2012	Membina dan menyiapkan lantai RC	64,700
2.	07/2012	Membekal dan memasang lampu kawasan	13,725
3.	08/2012	Membekal dan memasang <i>led light landscape tree, garden light</i> dan <i>PA system</i>	126,480
4.	10/2012	Membekal 1 unit trailer untuk bot	28,889
5.	12/2012	Membekal, memasang, menghantar dan menguji pandu 2 unit <i>quarter cabin passenger boat</i> beserta peralatan berkaitan	401,574
6.	19/2012	Pemasang pencegah kilat dan <i>billboard</i>	75,400
7.	20/2012	Pembinaan 2 kiosk	210,910
8.	21/2012	Pembinaan rumah bot	486,470
9.	22/2012	Pembinaan <i>anchorage</i> kepada rumah bot	447,950
10.	23/2012	Pembinaan pergola	60,598
11.	24/2012	Membekal dan memasang <i>stainless steel push cart stall</i> dan perabot restoran	198,750
12.	(R)29/2012	Pembinaan bumbung kanopi jenis <i>hight tensile membrane tent</i>	303,221
13.	(K)03/2013	Pembesaran jeti marina dan pengkalan bot	1,476,873
<b>Jumlah</b>			<b>3,895,540</b>

Sumber: PKINK

**1.4.2.2.** Cadangan Pembesaran Jeti Marina dan Pengkalan Bot merupakan sebahagian projek penambahbaikan Medan Ikan Bakar di Mukim Kedai Buloh Kota Bharu. Projek ini pada asalnya berjumlah RM2.66 juta bertujuan untuk menyediakan kemudahan yang lengkap kepada pengusaha dan orang ramai. Antara komponen utama projek ialah jeti, jambatan terapung, restoran terbuka dan rumah tumpangan terapung. Bagaimanapun, semasa projek dalam pelaksanaan PKINK telah membatalkan sebahagian besar skop kerja asal kontrak berjumlah RM1.53 juta atau pengurangan sebanyak 58.0%. Antara komponen utama projek yang tidak dibuat ialah jeti, jambatan terapung, restoran terbuka dan rumah tumpangan terapung. Keadaan ini berlaku kerana tuntutan imbuhan bayaran balik daripada Kementerian Kewangan tidak diluluskan dan PKINK terpaksa menggunakan peruntukan sendiri untuk membuat bayaran kepada kontraktor. Pemilihan kontraktor bagi projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan sepatutnya diputuskan oleh Jawatankuasa Tender Persekutuan Peringkat Negeri tetapi sebaliknya ia diputuskan oleh Jawatankuasa Tender PKINK sendiri. PKINK terpaksa membatalkan komponen-komponen utama projek yang belum dilaksanakan kerana peruntukan tidak mencukupi dan ini menyebabkan objektif utama projek tersebut dilaksanakan tidak tercapai. Maklumat lanjut komponen projek yang tidak dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 1.6**.

**Jadual 1.6**  
**Senarai Pengurangan Skop Kerja**

Bil.	Perkara	Amaun (RM)
1.	Jambatan Terapung	29,999
2.	Jeti Terapung	53,566
3.	Rumah Tumpangan Terapung	1,169,117
4.	Restoran Terbuka	128,900
5.	Kerja peruntukan sementara	146,200
<b>Jumlah</b>		<b>1,527,782</b>

Sumber: PKINK

**1.4.2.3.** Mengikut maklum balas PKINK bertarikh 26 April 2015, PKINK telah membuat rayuan kepada Kementerian Kewangan supaya bayaran yang telah dibuat oleh PKINK dapat diimbuh balik namun tidak diluluskan. Mulai tahun 2014 semua perolehan tender daripada peruntukan Persekutuan telah dikemukakan kepada Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri. Pada tahun 2015, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan untuk membina jeti di Medan Ikan Bakar.

Pada pendapat Audit, untuk memastikan objektif pelaksanaan projek tercapai, PKINK sepatutnya mematuhi prosedur perolehan berkaitan pemilihan kontraktor.

#### **1.4.3. Item *Preliminaries* – Tidak Mematuhi Tatacara Perolehan**

**1.4.3.1.** Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.13 Tahun 1999, penggunaan khidmat pengangkutan dan kemudahan komputer adalah dibenarkan bagi **kontrak kerja** yang bernilai melebihi RM500,000 sahaja. Semakan Audit mendapati item *preliminaries* bagi 5 sebut harga yang dilaksanakan dalam tempoh yang sama iaitu dari 13 September 2012 hingga 6 Disember 2012 tidak mematuhi tatacara perolehan yang ditetapkan.

Sebuah kenderaan pacuan 4 roda dan 3 komputer riba yang berjumlah RM43,000 telah dimasukkan dalam Bill No. A *Preliminaries* iaitu bil bagi kerja awal projek. Semakan Audit selanjutnya mendapati 5 sebut harga tersebut mengandungi item telefon bimbit berjumlah RM19,100. Semua item berkenaan dimasukkan dalam sebut harga untuk digunakan sepanjang tempoh kontrak.

**1.4.3.2.** Pada 19 Mei 2014, Lembaga Pemeriksaan Aset Alih PKINK telah melupuskan kenderaan pacuan 4 roda dan telefon bimbit tersebut. Kenderaan pacuan 4 roda telah dilupuskan secara jualan terus kepada anak syarikat PKINK manakala 7 telefon bimbit dilupuskan secara jualan terus dan hadiah kepada kakitangan PKINK dengan alasan melebihi keperluan. Selain itu, 2 peralatan komputer masih digunakan oleh kakitangan PKINK dan menjadi hakmilik PKINK manakala satu lagi komputer tidak dapat disahkan. Implikasi daripada memasukkan item perolehan yang tidak dibenarkan ini menyebabkan peningkatan kos perolehan sejumlah RM62,100 bagi 5 sebut harga berkenaan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 1.7**.

**1.4.3.3. Mengikut maklum balas PKINK bertarikh 26 April 2015, PKINK mengambil maklum tentang teguran Audit dan telah memastikan perkara tersebut tidak akan berulang.**

**Jadual 1.7**  
**Senarai Item *Preliminaries* Tidak Mematuhi Peraturan**

Bil.	No. Sebutharga	Perkara	Sebutharga (RM)	Item	(RM)	Catatan
1.	19/2012	Pemasangan Pencegah Kilat dan Billboard	92,500	Komputer Riba <i>Toshiba</i>	5,000	Masih digunakan Hakmilik PKINK
				Telefon Bimbit HTC One S	3,000	Dilupus
2.	20/2012	Pembinaan 2 Kiosk	122,850	Komputer Riba <i>Toshiba</i>	5,000	Masih digunakan Hakmilik PKINK
				Telefon Bimbit Samsung Galaxy S3	3,000	Dilupus
3.	21/2012	Pembinaan Rumah Bot	489,470	Telefon Bimbit Samsung Galaxy S3	2,700	Dilupus
4.	22/2012	Pembinaan Anchorage	448,650	Hilux Double Cab 2.5G AT	30,000	Dilupus
				Komputer Riba <i>Toshiba</i>	3,000	Tidak dapat disahkan
				Apple Iphone 4S	3,000	Dilupus
5.	23/2012	Pembinaan Pergola	63,023	Telefon Bimbit Samsung Galaxy S3	2,500	Dilupus
				Telefon Bimbit Samsung Galaxy Note (2 unit)	4,900	Dilupus
<b>Jumlah</b>			<b>1,216,493</b>		<b>62,100</b>	

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Pada pendapat Audit, PKINK tidak mendapat harga yang terbaik bagi 5 sebut harga penambahbaikan Medan Ikan Bakar kerana kos perolehan meningkat dan berlaku pembaziran.**

#### **1.4.4. Penambahbaikan Kilang Hub Halal Belum Disewa**

**1.4.4.1.** Projek penambahbaikan Kilang Hub Halal di Pengkalan Chepa melibatkan ubahsuai 6 buah kilang dan pembekalan peralatan bagi kilang roti, bilik sejuk, sos, puri, jus dan kerepek. Ia bertujuan untuk membangunkan masyarakat pedagang dan perindustrian bumiputera, meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk bumiputera, menempatkan peniaga bumiputera di lokasi strategik pada kadar sewa yang berpatutan dan mewujudkan kesan limpahan kepada kawasan sekitar. Projek ini disediakan kemudahan dan ciri-ciri yang menepati piawaian Persijilan Halal, Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP) dan Titik Kawalan Kritikal Analisis Bahaya (HACCP) yang merupakan piawaian penting sebagai pra-syarat untuk produk menembusi pasaran dalam dan luar negara. Kos projek termasuk peralatan adalah berjumlah RM17.20 juta dan telah siap sepenuhnya pada Disember 2013.

**1.4.4.2.** Kilang ini telah disewa oleh 7 syarikat Bumiputera selama 3 tahun iaitu daripada tahun 2008 hingga ditamatkan perjanjian sewa pada Ogos 2011 kerana tunggakan sewa yang tidak dibayar berjumlah RM0.30 juta. Semenjak itu kilang ini tidak ada penyewa dan pada bulan Julai 2014, PKINK telah menetapkan kadar sewaan baru di antara RM4,740 hingga RM7,540 sebulan merangkumi sewaan bangunan dan peralatan. Kadar sewaan yang ditetapkan dan jenis kilang tersebut adalah seperti di **Jadual 1.8**.

**Jadual 1.8**  
**Kadar Sewaan Bangunan Dan Peralatan Kompleks Halal Pengkalan Chepa**

Bil.	Kadar Sewaan Sebulan			
	Lot/Jenis Kilang	Bangunan (RM)	Peralatan (RM)	Jumlah (RM)
1.	3351/Kilang Roti	3,940	2,210	6,150
2.	3352A/Kilang Sejukbeku	1,880	1,040	2,920
3.	3352B/Kilang Sejukbeku	2,020	1,030	3,050
4.	3353/Kilang Sos	3,940	3,600	7,540
5.	3354/Kilang Puri	3,940	810	4,750
6.	3355/Kilang Jus	3,940	1,330	5,270
7.	3356/Kilang kerepek	3,940	800	4,740

Sumber: PKINK

**1.4.4.3.** Sehingga tarikh lawatan Audit pada 29 Mac 2015, didapati kilang berkenaan masih belum dapat disewakan. Keadaan ini berlaku disebabkan bilangan syarikat bumiputera yang terhad dan juga masalah peralatan yang disediakan tidak sesuai dengan kehendak syarikat penyewa. Pihak Audit dimaklumkan 2 kilang iaitu kilang kerepek dan kilang sejukbeku akan disewa oleh pengusaha *chicken chop* dan murtabak. PKINK juga sedang berunding dengan beberapa usahawan lain dan mereka telah mengadakan lawatan ke kilang. **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.6** menunjukkan peralatan kilang yang tidak digunakan sejak Ogos 2011.

**Gambar 1.1**  
**Peralatan Kilang Roti**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pengkalan Chepa  
Tarikh: 29 Mac 2015

**Gambar 1.2**  
**Peralatan Kilang Roti**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pengkalan Chepa  
Tarikh: 29 Mac 2015

**Gambar 1.3**  
**Peralatan Kilang Roti**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pengkalan Chepa  
Tarikh: 29 Mac 2015

**Gambar 1.4**  
**Peralatan Kilang Roti**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pengkalan Chepa  
Tarikh: 29 Mac 2015

**Gambar 1.5**  
**Peralatan Kilang Jus**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pengkalan Chepa  
Tarikh: 29 Mac 2015

**Gambar 1.6**  
**Peralatan Kilang Kerepek**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pengkalan Chepa  
Tarikh: 29 Mac 2015

**1.4.4.4.** Kelewatan mendapatkan penyewa bagi kilang yang telah dinaik taraf dan telah disiapkan lebih setahun yang lalu menyebabkan PKINK mengalami kerugian hasil yang dianggarkan berjumlah RM34,420 sebulan atau RM413,040 setahun. Selain itu, kualiti peralatan akan terjejas sekiranya tidak digunakan dalam tempoh yang lama dan memerlukan penyenggaraan yang tinggi.

**1.4.4.5.** Mengikut maklum balas PKINK bertarikh 26 April 2015, 2 pengusaha telah bersetuju dan menandatangani perjanjian penyewaan berkuatkuasa 1 Disember 2014. Selain itu, 4 premis masih di peringkat rundingan dengan pengusaha manakala satu kilang masih belum ada pengusaha yang berminat.

**Pada Pendapat Audit, PKINK perlu menggandakan usaha untuk mendapatkan pengusaha bagi menggunakan kemudahan yang disediakan.**

## **1.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam, PKINK adalah disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

**1.5.1.** Merancang dengan teliti sebelum membuat perolehan untuk mengelakkan pembaziran, projek yang siap dapat digunakan serta mencapai objektif, serta mematuhi peraturan semasa yang berkuat kuasa sepenuhnya dalam membuat perolehan.

**1.5.2.** Meningkatkan promosi bagi mendapatkan penyewa kilang-kilang.

---

## **PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN**

---

### **2. KELANTAN GOLD TRADE SDN. BHD.**

#### **2.1. LATAR BELAKANG**

**2.1.1.** Kelantan Gold Trade Sdn. Bhd. (KGT) ditubuhkan pada 23 Oktober 2008. KGT merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Modal dibenarkan KGT berjumlah RM5.0 juta dan modal berbayar berjumlah RM2.5 juta. Ia ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan menjadi pelopor pertama kepada penggunaan Dinar (Emas) dan Dirham (Perak) sebagai sistem muamalat pertama di Malaysia. Pelancaran Dinar dan Dirham sebagai mata wang syariah telah dilaksanakan secara rasminya oleh Kerajaan Negeri Kelantan pada 12 Ogos 2010.

**2.1.2.** Aktiviti utama KGT ialah membeli dan menjual syiling emas (Dinar) dan syiling perak (Dirham). Visi syarikat adalah memberi komitmen yang tinggi dalam memasarkan produk Dinar dan Dirham dengan cara yang terbaik, sistem yang cemerlang dan teknik yang berkualiti bagi memartabatkan mata wang syariah. Manakala misinya memberi pengetahuan dan pemahaman lebih mendalam kepada orang ramai mengenai keupayaan Dinar dan Dirham dalam mengukuhkan ekonomi masyarakat Malaysia dalam jangka masa panjang serta meningkatkan taraf hidup masyarakat melalui perniagaan Dinar dan Dirham. Antara objektif utama KGT adalah memastikan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan menjadikan Dinar dan Dirham sebagai mata wang syariah akan menjadi kenyataan. Ahli Lembaga Pengarah KGT terdiri daripada 7 orang iaitu YB Dato' Hj. Takiyuddin Bin Hassan selaku Pengurus, YB Mohamad Zaki Bin Ibrahim, Prof. Dr. Mohamad Hanapi Bin Mohamad, Tuan Hj. Mohamad Sabri Bin Abdullah, Dr. Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, Encik Nik Mahadi Bin Nik Mahmood dan Encik Ahmad Zakie Bin Ahmad Shariff sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK. Pengurusan KGT diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 8 orang kakitangan.

#### **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat memuaskan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat serta pengurusan kewangan telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

#### **2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan pengurusan syarikat KGT meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak minit mesyuarat Lembaga Pengarah, fail perancangan, bajet, fail kesetiausahaan, fail projek, dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tahun 2011 hingga Oktober 2014. Analisis kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit

bagi tahun 2011 hingga 2013. Perbincangan dan temu bual Audit bersama pegawai yang berkenaan telah diadakan. *Exit Conference* bersama Pengurus Besar KGT, Eksekutif Audit Dalaman PMBK dan Penolong Pengurus Kewangan Dan Pentadbiran KGT telah diadakan pada 26 April 2015.

## 2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada Ogos hingga Oktober 2014 mendapati prestasi kewangan KGT adalah kurang memuaskan kerana KGT mengalami kerugian bersih berjumlah RM0.02 juta pada tahun 2012 dan RM0.63 juta pada tahun 2013. Analisis nisbah juga menunjukkan trend penurunan bagi tahun 2012 dan 2013. Tadbir urus korporat KGT adalah memuaskan namun terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan seperti berikut:

- Perolehan Dinar dan Dirham tanpa perjanjian.
- Penyerahan Dinar dan Dirham dibuat sebelum bayaran diterima.
- Pembelian balik (*buyback*) tanpa prosedur dan kawalan.
- Dinar dan Dirham tiada sijil ketulenan.
- Agen pemasaran (wakalah) tidak menandatangani serta mematuhi syarat perjanjian.
- Pengurusan stok Dinar dan Dirham kurang memuaskan.
- Tiada surat lantikan bagi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Penasihat, Pengarah Dan Pengarah Eksekutif Syarikat.
- Aset tidak dimanfaatkan bagi menjana pendapatan kepada Syarikat.

### 2.4.1. Prestasi Kewangan

#### 2.4.1.1. Analisis Trend

- a. Keuntungan sebelum cukai KGT menurun sejumlah RM2,556,856 atau 100.7% daripada RM2.54 juta pada tahun 2011 kepada kerugian berjumlah RM0.02 juta pada tahun 2012. Kerugian sebelum cukai KGT meningkat sejumlah RM0.63 juta atau 3,753.1% kepada RM0.65 juta pada tahun 2013 berbanding tahun 2012.
- b. Keuntungan terkumpul KGT menurun sejumlah RM32,866 atau 1.7% daripada RM1.94 juta pada tahun 2011 kepada RM1.91 juta pada tahun 2012. Keuntungan terkumpul terus menurun sejumlah RM0.64 juta atau 33.7% kepada RM1.27 juta pada tahun 2013 berbanding tahun 2012.
- c. Pendapatan utama KGT terdiri daripada penjualan dinar dan dirham. Jumlah pendapatan KGT menurun sejumlah RM24.21 juta atau 59% daripada RM41.05 juta pada tahun 2011 kepada RM16.84 juta pada tahun 2012. Jumlah pendapatan terus menurun sejumlah RM14.99 juta atau 89% kepada RM1.85 juta pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Penurunan jumlah pendapatan KGT yang berterusan

disebabkan oleh penurunan dalam pendapatan operasi iaitu penjualan dinar dan dirham.


- d. Jumlah perbelanjaan KGT menurun sejumlah RM22.27 juta atau 57% daripada RM39.14 juta pada tahun 2011 kepada RM16.87 juta pada tahun 2012. Jumlah perbelanjaan KGT terus menurun sejumlah RM14.38 juta atau 85.2% kepada RM2.49 juta pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Penurunan perbelanjaan yang berterusan ini disebabkan oleh penurunan kos jualan dan juga kos pentadbiran.
- e. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan, untung rugi, keuntungan/kerugian sebelum cukai dan keuntungan terkumpul KGT bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 2.1, Carta 2.1** dan **Carta 2.2**.

**Jadual 2.1**  
**Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi KGT**  
**Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**

Butiran	Tahun		
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Pendapatan	41,050,727	16,832,773	1,850,451
Kos Jualan	35,615,879	15,562,512	1,786,676
<b>Untung Kasar</b>	<b>5,434,848</b>	<b>1,270,261</b>	<b>63,775</b>
Lain-lain Pendapatan	-	6,610	364
Kos Pentadbiran & Operasi	2,894,800	1,292,327	695,552
Kos Kewangan	-	1,352	16,221
<b>Untung/Rugi Sebelum Cukai</b>	<b>2,540,048</b>	<b>-16,808</b>	<b>-647,634</b>
Cukai	-634,000	-16,058	3,988
<b>Untung/Rugi Bersih</b>	<b>1,906,048</b>	<b>-32,866</b>	<b>-643,646</b>
<b>Keuntungan Terkumpul</b>	<b>1,942,149</b>	<b>1,909,283</b>	<b>1,265,637</b>


Sumber: Penyata Kewangan KGT

**Carta 2.1**  
**Trend Untung/Rugi Sebelum Cukai Dan Keuntungan Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**



Sumber: Penyata Kewangan KGT

**Carta 2.2**  
**Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**



Sumber: Penyata Kewangan KGT

#### **2.4.1.2. Analisis Nisbah**

Bagi menentukan prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin keuntungan, pulangan atas aset, pulangan atas ekuiti, nisbah hutang dan nisbah hutang/ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbang dan Penyata Pendapatan bagi 3 tahun kewangan iaitu 2011 hingga 2013. Hasil analisis nisbah adalah seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Analisis Nisbah Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2011	2012	2013
a.	Nisbah Semasa	1.76:1	2.13:1	3.26:1
b.	Margin Untung Bersih	5%	0%	-35%
c.	Pulangan Atas Aset	0.27:1	-0.01:1	-0.11:1
d.	Pulangan Atas Ekuiti	0.58:1	-0.01:1	-0.17:1

Sumber: Penyata Kewangan KGT

##### **a. Nisbah Semasa**

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Mengikut pengiraan Audit, tahap kecairan KGT pada tahun 2011 adalah 1.76 kali dan telah meningkat kepada 2.13 kali pada tahun 2012. Nisbah ini terus meningkat kepada 3.26 kali pada tahun 2013. Peningkatan nisbah pada tahun 2012 berbanding 2011 adalah disebabkan oleh pertambahan inventori sejumlah RM1.55 juta dan juga pengutang perdagangan sejumlah RM0.28 juta. Peningkatan nisbah pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah disebabkan oleh pengurangan jumlah terutang kepada perbadanan induk sejumlah RM0.85 juta. Nisbah semasa yang lebih daripada satu pada tahun 2011, 2012 dan 2013 menunjukkan syarikat masih berupaya untuk memenuhi tanggungan jangka pendeknya.

##### **b. Margin Keuntungan**

Margin Keuntungan digunakan bagi mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut pengiraan Audit, KGT mencatatkan keuntungan 5 sen bagi setiap ringgit jualan pada tahun 2011 dan tiada keuntungan dicatatkan bagi setiap ringgit jualan pada tahun 2012. Margin keuntungan terus menurun pada tahun 2013 di mana KGT mencatatkan kerugian sebanyak 35 sen bagi setiap ringgit jualan pada tahun 2013. Penurunan keuntungan yang dicatatkan

adalah disebabkan oleh kerugian bersih yang dialami oleh KGT pada tahun 2012 dan 2013.

**c. Pulangan Atas Aset**

Nisbah Pulangan Atas Aset digunakan bagi mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Mengikut pengiraan Audit, KGT mencatatkan pulangan atas aset iaitu 27 sen bagi setiap ringgit aset pada tahun 2011 dan menurun kepada kerugian berjumlah 1 sen pada tahun 2012. Nisbah ini terus mencatatkan kerugian sebanyak 11 sen bagi setiap ringgit aset pada tahun 2013. Kerugian bersih yang dicatatkan pada tahun 2013 dan 2012 berbanding tahun 2011 menjadi punca kepada penurunan nisbah pulangan atas aset pada kedua-dua tahun tersebut. Pulangan negatif atas aset menunjukkan ketidakcekapan pengurusan dalam menjana keuntungan daripada penggunaan aset. Oleh itu, usaha harus diambil bagi mempertingkatkan keuntungan dengan mengawal kos perbelanjaan dan meningkatkan pendapatan.

**d. Pulangan Atas Ekuiti**

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan bagi mengukur pulangan ke atas jumlah ekuiti syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit ekuiti yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit ekuiti yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan ekuitinya. Mengikut pengiraan Audit, KGT mencatatkan pulangan atas ekuiti iaitu 58 sen bagi setiap ringgit ekuiti pada tahun 2011 dan menurun kepada kerugian berjumlah 1 sen bagi setiap ringgit ekuiti pada tahun 2012. Nisbah ini terus mencatatkan kerugian sebanyak 17 sen bagi setiap ringgit ekuiti pada tahun 2013. Kerugian bersih yang dicatatkan pada tahun 2013 dan 2012 berbanding tahun 2011 telah menyumbang kepada penurunan pulangan atas ekuiti. Pulangan negatif atas ekuiti menunjukkan KGT tidak berupaya memberi pulangan kepada pemegang saham.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan KGT bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah kurang memuaskan kerana KGT mencatatkan kerugian bersih pada tahun 2012 dan 2013 menyebabkan keuntungan terkumpul KGT juga semakin menurun.**

**2.4.2. Pengurusan Aktiviti**

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Aktiviti utama KGT adalah membeli dan menjual Dinar dan Dirham kepada orang ramai. Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan aktiviti KGT mendapati perkara seperti berikut:

#### 2.4.2.1. Perolehan Dinar Dan Dirham Tanpa Perjanjian

- a. Dinar dan Dirham KGT ditempah daripada Emirates Gold DMCC (EGDMCC) di Dubai. Manakala urusan pembelian Dinar dan Dirham dibuat melalui agen pemasaran yang dilantik oleh EGDMCC iaitu Emirates Gold Europe GmbH (EGEG) beroperasi di Switzerland untuk memasarkan produk-produk EGDMCC. Setelah arahan diterima dari EGEG, EGDMCC akan menyediakan emas dan perak, melakukan proses penempaan Dinar dan Dirham dan seterusnya menghantar Dinar dan Dirham yang telah siap kepada Syarikat Nubex Sdn. Bhd. (NUBEX) di Kuala Lumpur selaku ejen penerima bagi pihak KGT. KGT kemudiannya membuat bayaran secara pindahan telegraf (TT) kepada EGEG. Pembelian Dinar dan Dirham yang dibuat oleh KGT adalah mengikut denominasi iaitu 0.5 Dinar, 1 Dinar, 2 Dinar ,5 Dinar dan 8 Dinar serta 1 Dirham, 2 Dirham, 5 Dirham, 10 Dirham dan 20 Dirham. Selain membuat tempahan melalui EGEG, KGT juga membuat pembelian Dirham edisi khas iaitu 10 Dirham Belia dan 10 Dirham Wanita daripada The Singapore Mint.
- b. Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati KGT telah membuat pembelian pertama Dinar dan Dirham melibatkan bayaran sejumlah RM1.70 juta sebagaimana yang telah diputuskan dalam mesyuarat ALP Bil. 5/2010 melibatkan 1,448 keping Dinar dan 27,800 keping Dirham. Bagi tempoh tahun 2010 hingga Oktober 2014 KGT telah membuat 28 urus niaga pembelian Dinar dan Dirham dengan EGEG. Manakala bagi pembelian Dirham edisi khas sebanyak 10,000 keping dibuat pada tahun 2011 daripada The Singapore Mint dengan membelanjakan sejumlah RM1.57 juta menjadikan kesemua pembelian Dinar dan Dirham berjumlah RM58.80 juta.
- c. Pembelian melalui EGEG melibatkan 3 pembelian berjumlah RM6.70 juta pada tahun 2010, 17 pembelian berjumlah RM37.10 juta pada tahun 2011, 7 pembelian berjumlah RM14.00 juta pada tahun 2012 dan 1 pembelian berjumlah RM1.00 juta pada tahun 2013. Jumlah pembelian Dinar dan Dirham mengikut denominasi bagi tempoh tahun 2010 hingga Oktober 2014 adalah sebagaimana di **Jadual 2.3**. Manakala contoh Dinar dan Dirham yang ditempah serta spesifikasi adalah seperti di **Gambar 2.1**.

**Jadual 2.3**  
**Pembelian Dinar Dan Dirham Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga Oktober 2014**

Tahun	Jumlah Pembelian (RM Juta)	Bilangan Dinar (keping)					Bilangan Dirham (keping)				
		1/2D	1D	2D	5D	8D	1Dr	2Dr	5Dr	10Dr	20Dr
2010	6.70	3,345	2,610	897	218	143	49,331	20,370	28,879	3,225	1,537
2011	37.10	10,167	33,899	1,603	365	295	162,187	19,513	3,797	2,359	10,000
2012	14.00	4,310	19,252	421	135	108	-	-	-	-	-
2013	1.00	170	880	80	17	30	1,500	310	800	320	-
<b>Jumlah</b>	<b>58.80</b>	<b>17,992</b>	<b>56,641</b>	<b>3,001</b>	<b>735</b>	<b>576</b>	<b>213,018</b>	<b>40,193</b>	<b>33,476</b>	<b>5,904</b>	<b>10,000</b>
											<b>2,935</b>

Sumber: Rekod KGT

**Gambar 2.1**  
**Contoh Dinar Dan Dirham Mengikut Spesifikasi**

Denominasi	Gambar	Spesifikasi		
		Berat (Gram)	Diameter (Mm)	Kandungan
1/2 Dinar		2.125	16	Emas 917
1 Dinar		4.250	21	Emas 917
2 Dinar		8.500	22	Emas 917
5 Dinar		21.25	25	Emas 917
8 Dinar		34.00	32	Emas 917
1 Dirham		2.975	22	Perak 999
2 Dirham		5.950	25	Perak 999
5 Dirham		14.875	32	Perak 999
10 Dirham		29.75	41	Perak 999
10 Dirham Belia		29.75	41	Perak 999
10 Dirham Wanita		29.75	41	Perak 999
20 Dirham		59.50	50	Perak 999

Sumber: KGT

- d. Semakan Audit mendapati tiada sebarang rekod perakuan penerimaan kepingan Dinar dan Dirham yang diserahkan kepada pihak KGT oleh wakil NUBEX bagi memastikan bilangan kepingan koin Dinar dan Dirham yang diterima adalah mencukupi dan sempurna. Selain itu, urusan perolehan dilaksanakan tanpa mengikat apa-apa perjanjian dengan pembekal, agen pemasaran pembekal dan NUBEX bagi menjamin kepentingan KGT dilindungi daripada segi kos, tempoh penghantaran, kualiti dan spesifikasi produk serta lain-lain perkara yang dipersetujui. **Mengikut maklum balas KGT bertarikh 22 April 2015, penerimaan kepingan Dinar Dirham tidak lagi melalui wakil NUBEX dan pihak KGT akan menerimanya sendiri. Ini telah dilaksanakan mulai pembelian pada bulan Oktober 2013.**

#### 2.4.2.2. Penyerahan Dinar Dan Dirham Sebelum Menerima Bayaran

- a. Mengikut Buku Panduan Wakalah KGT, semua urus niaga adalah berdasarkan pembelian tunai. Wakalah hendaklah melakukan pembayaran terlebih dahulu sebelum menerima Dinar dan Dirham daripada KGT.
- b. Semakan Audit mendapati 7 urus niaga penjualan Dinar dan Dirham melibatkan 4 wakalah dengan nilai jualan RM0.96 juta tidak mematuhi prosedur jual beli yang telah ditetapkan iaitu syarikat belum menerima bayaran dari wakalah tetapi penyerahan Dinar dan Dirham telah dilakukan kepada wakalah-wakalah tersebut. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**  
**Wakalah Menerima Dinar Dan Dirham Sebelum Membuat Pembayaran**

Bil	Wakalah	No. Invois	Jumlah (RM)	D/O	Catatan
1.	Empayar Jutawan Emas	2012/790	23,195	0622	Tiada bayaran
2.	Empayar Jutawan Emas	2012/700	28,434	0677	Terima cek berjumlah RM28,808.00 pada 30/07/12 tetapi dipulangkan oleh bank pada 31/07/12.
3.	Musk Trade Sdn. Bhd	2012/536	73,150	0539	Tiada bayaran
4.	Musk Trade Sdn. Bhd	2012/0618	176,938	0613	Hanya bayar RM84,000.00 pada 17/05/12.
5.	NNM Gold Resources	2012/0595	412,566	0557	Tiada bayaran
6.	NNM Gold Resources	2012/0596	143,640	0574	Tiada bayaran
7.	Pn Rohayati Mustapha	2012/547	12,000	TM	Tiada bayaran
		2012/0592	85,200	0607	Tiada bayaran
<b>Jumlah</b>			<b>955,123</b>		

Sumber: Rekod KGT

Nota: TM - Tiada Maklumat

- c. Berdasarkan notis tuntutan bertarikh 23 Jun 2014, pihak KGT telah mengambil tindakan undang-undang bagi menuntut hutang tertunggak daripada wakalah-wakalah berkenaan. Sehingga Oktober 2014, semakan Audit mendapati sejumlah RM0.76 juta telah dibayar dan baki sejumlah RM0.19 juta masih belum diselesaikan seperti di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5**  
**Maklumat Hutang Wakalah Sehingga Oktober 2014.**

Bil	Wakalah	Jumlah (RM)	Catatan
1.	Empayar Jutawan Emas	36,231	6 cek <i>post dated</i> dikeluarkan bertarikh 25/12/2014 hingga 25/05/2015
2.	Musk Trade Resources Sdn. Bhd	59,625	Pengurusan Kes Ketiga pada 4/12/2014
3.	NNM Gold Resources	54,723	Pengurusan Kes Ketiga pada 4/12/2014
4.	Pn Rohayati Mustapha	40,251	Pengurusan Kes Ketiga pada 4/12/2014
<b>Jumlah</b>		<b>190,830</b>	

Sumber: Rekod KGT

- d. Mengikut maklum balas KGT bertarikh 22 April 2015, pihak KGT telah menamatkan semua pembelian Wakalah dan telah membuat perjanjian Wakalah yang baru. Sehingga April 2015, baki penghutang adalah sebanyak RM0.17 juta dan tindakan undang-undang masih berjalan terhadap 3 lagi Wakalah.

#### 2.4.2.3. Pembelian Balik (*Buyback*) Tanpa Prosedur Dan Kawalan

- a. Syarikat perlu menetapkan peraturan/prosedur bagi pembelian balik (*buyback*) Dinar dan Dirham dari Wakalah atau orang ramai untuk memastikan syarikat tidak menanggung kerugian daripada urus niaga dan tidak berlaku lambakan stok. Semakan Audit terhadap transaksi *Buyback* dalam lejar pembelian bagi tempoh tahun 2011 hingga Oktober 2014 mendapati KGT telah membelanjakan sejumlah RM0.93 juta bagi 24 transaksi *Buyback*. Bagaimanapun, KGT tidak dapat mengemukakan butiran terperinci mengenai transaksi *Buyback* menyebabkan keuntungan sebenar tidak dapat dipastikan.
- b. Semakan lanjut mendapati tiada prosedur yang ditetapkan bagi urusan *Buyback* seperti menetapkan had jumlah pembelian balik serta KGT tidak melaksanakan pemeriksaan terhadap ketulenan koin-koin Dinar dan Dirham yang dibeli semula. Pembelian balik ini juga telah menyebabkan tiada kawalan terhadap stok terutamanya syiling Dirham yang berada dalam peti simpanan keselamatan. **Mengikut maklum balas KGT bertarikh 22 April 2015, KGT telah menyediakan prosedur Buyback berkuatkuasa 1 Januari 2015 dan pembelian alat bagi mengenalpasti ketulenan Dinar dan Dirham. Pembayaran untuk buyback pula akan dilakukan dalam tempoh 14 hari.**

#### 2.4.2.4. Dinar Dan Dirham Tiada Sijil Ketulenan

- a. Mengikut amalan terbaik, kepingan emas dan perak perlu disertakan sijil ketulenan bagi mengesahkan tempahan yang ditempa adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan iaitu berat, diameter dan kandungan emas serta perak. Sijil ketulenan dapat menambahkan keyakinan orang ramai terhadap ketulenan Dinar dan Dirham yang dikeluarkan oleh KGT dan seterusnya dapat menarik orang ramai berurus niaga menggunakan Dinar dan Dirham keluaran KGT sebagai mata wang.
- b. Semakan Audit mendapati KGT telah menetapkan spesifikasi kandungan Dinar adalah 22 karat emas atau emas 917 manakala 99.9% kandungan perak adalah untuk Dirham yang ditempat pada Emirates Gold DMCC. Bagaimanapun, semakan terhadap koin-koin Dinar dan Dirham mendapati sijil perakuan ketulenan emas dan perak tidak disediakan oleh pengeluar di Dubai. KGT tidak mempunyai kakitangan yang pakar untuk membuat pengesahan berkaitan ketulenan Dinar dan Dirham yang diterima serta KGT juga tidak melantik mana-mana konsultan bebas (assayer) untuk melaksanakan pengesahan tersebut.

- c. Mengikut maklum balas KGT bertarikh 22 April 2015, KGT tidak mengeluarkan sijil perakuan ketulenan emas dan perak bagi memudahkan edaran koin-koin tersebut untuk tujuan muamalah serta pelaburan (gadaian). Walau bagaimanapun, KGT dalam proses mengeluarkan sijil perakuan koin tersebut bagi produk Dinar dan Dirham yang baru dan mengambil maklum pengesyoran Audit.

#### 2.4.2.5. Agen Pemasaran (Wakalah) Tidak Menandatangani Serta Mematuhi Syarat Perjanjian

- a. Aktiviti pemasaran produk hendaklah dirancang dan dilaksanakan mengikut kaedah yang paling berkesan bagi memastikan syarikat mendapat pulangan yang menguntungkan melalui aktiviti tersebut. Mengikut Buku Panduan Wakalah 2011, wakalah perlu menandatangani satu perjanjian dengan KGT. Operasi wakalah bermula dengan pembelian pertama RM500,000 ke atas dalam masa satu bulan selepas perjanjian manakala pembelian kedua dan seterusnya mestilah mencapai tahap minima RM250,000 setiap bulan.
- b. Pihak Audit mendapati KGT telah melantik sebanyak 21 wakalah bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Semakan terhadap dokumen kontrak perjanjian wakalah mendapati hanya 12 wakalah menandatangani perjanjian manakala baki 9 wakalah tidak menandatangani perjanjian. Semakan lanjut terhadap pematuhan syarat pembelian kali pertama mendapati hanya 9 daripada 21 wakalah berjaya mencapai syarat pembelian tersebut manakala bagi syarat pembelian kedua pula, tiada wakalah yang berjaya mencapai syarat pembelian kedua secara berterusan. Seterusnya, pihak Audit mendapati pada tahun 2014, kesemua 21 wakalah telah tidak aktif dan menghentikan pembelian. Bagaimanapun, KGT tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap wakalah yang melanggar syarat perjanjian. Pengunduran kesemua wakalah tersebut menyebabkan KGT kehilangan satu medium pemasaran dan terpaksa melaksanakan pemasaran Dinar dan Dirhamnya sendiri melalui penjualan secara atas talian. **Mengikut maklum balas KGT bertarikh 22 April 2015, KGT telah menamatkan semua pembelian oleh Wakalah dan telah mengetatkan perlantikan Wakalah akan datang serta memastikan setiap perjanjian dibuat secara teratur.**

#### 2.4.2.6. Pengurusan Stok Dinar Dan Dirham Kurang Memuaskan

- a. Dinar dan Dirham merupakan sumber utama penjanaan pendapatan kepada syarikat. Oleh itu, stok Dinar dan Dirham yang diuruskan dengan baik dan bersistematik akan membantu pihak pengurusan membuat keputusan yang tepat dalam urusan perniagaan. Semakan Audit terhadap rekod jualan Dinar dan Dirham bagi tempoh tahun 2011 hingga November 2014 mendapati hasil jualan Dinar dan Dirham semakin merosot sebanyak antara 58.6 % hingga 89 % dari setahun ke setahun iaitu

RM43.50 juta pada tahun 2011, RM17.74 juta pada tahun 2012, RM1.95 juta pada tahun 2013 dan RM0.81 juta sehingga bulan November 2014 seperti di **Jadual 2.6**.

**Jadual 2.6**  
**Kedudukan Jualan Dinar Dan Dirham**  
**Bagi Tahun 2011 hingga November 2014**

Tahun	Hasil Jualan (RM)	Pengurangan Jualan	
		(RM)	(%)
2011	43,503,133	-	-
2012	17,736,841	25,766,292	59.2
2013	1,950,149	15,786,602	89.0
2014 (Jan-Nov)	806,395	1,143,754	58.6

Sumber: KGT

- b. Semakan lanjut terhadap laporan kedudukan stok KGT mendapati pada tahun 2012, baki stok Dinar adalah sebanyak 2,282 keping manakala baki stok Dirham adalah 48,095 keping. Adalah didapati walaupun terdapat lambakan stok Dirham di dalam simpanan serta jualan Dirham tidak memberangsangkan berbanding jualan Dinar, pihak KGT masih membuat pembelian Dirham sebanyak 3,122 keping melibatkan kos sejumlah RM126,076 pada tahun 2013. Kedudukan stok Dinar dan Dirham pada tahun 2013 ialah sebanyak 1,079 Dinar manakala Dirham ialah sebanyak 53,483 keping.
- c. Semakan Audit terhadap daftar stok Dinar dan Dirham yang disediakan bagi tempoh tahun 2011 hingga Oktober 2014 mendapati daftar disediakan oleh penjaga stor dengan catatan tarikh pengeluaran dan penerimaan, bilangan stok keluar dan masuk, baki stok dan tandatangan penjaga stor. Kesahihan pengeluaran stok tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan untuk menyokong pergerakan stok yang dicatatkan oleh penjaga stor.
- d. Pihak Audit mendapati KGT tidak menggunakan sebarang kaedah bagi urusan penyimpanan dan pengeluaran Dinar dan Dirham dari peti simpanan keselamatan. Mengikut laporan *bad coins* yang dikemukakan oleh KGT, bagi tempoh tahun 2011 hingga Oktober 2014 sebanyak 19,904 keping *bad coins* syiling Dirham berada dalam simpanan iaitu 19,487 keping syiling 1 Dirham, 182 keping 2 Dirham, 79 keping 5 Dirham, 110 keping 10 Dirham dan 46 keping 20 Dirham. Anggaran nilai *bad coins* yang berada dalam simpanan pada harga pasaran semasa adalah sejumlah RM445,320. Temu bual Audit dengan Pengurus Besar KGT memaklumkan *bad coins* yang berada dalam simpanan akan dileburkan semula.
- e. **Mengikut maklum balas KGT bertarikh 22 April 2015, pihak Dubai akan menempa Dinar dan Dirham lebih daripada tempahan KGT bagi mempercepatkan penghantaran Dinar dan Dirham akan datang. Oleh itu, pembelian Dinar dan Dirham pada tahun 2013 dibuat sebagai menamatkan urusan pembelian dengan pihak Dubai. KGT juga telah membuat**

**penambahbaikan prosedur pengeluaran stok pada 2 Februari 2015 dan telah melantik seorang Eksekutif Stok dan Operasi bagi mengendalikan stok dan operasi syarikat.**

**Pada pendapat Audit, KGT hendaklah mempunyai sistem pengurusan aktiviti yang teratur dan rekod yang lengkap supaya segala kos yang terlibat dan hasil yang diperoleh adalah tepat. Ini seterusnya dapat membantu KGT dalam mengurus dan menjalankan aktiviti syarikat dengan lebih baik pada masa hadapan.**

#### **2.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu organisasi mempertingkatkan kecekapan dan membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat KGT mendapati perkara seperti berikut:

##### **2.4.3.1. Tiada Surat Lantikan Ketua Pengarah Eksekutif (CEO), Penasihat, Pengarah dan Pengarah Eksekutif Syarikat.**

- a. Mengikut Amalan Terbaik seperti di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993, Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Atasan yang dilantik hendaklah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Surat pelantikan rasmi hendaklah dikeluarkan bagi mengesahkan jawatan yang ditawarkan, tangga gaji, skop kerja, kelayakan dan kemudahan yang diberikan.
- b. Semakan Audit mendapati Encik Fernando Vadillo Goicoechea atau Umar Vadillo, seorang warganegara asing telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Eksekutif (CEO) KGT berkuat kuasa mulai Januari 2009 melalui minit mesyuarat Lembaga Pengarah KGT Bilangan 1/2008 bertarikh 23 Oktober 2008. Bagaimanapun tiada surat pelantikan rasmi dikeluarkan oleh PMBK iaitu syarikat induk KGT kepada beliau. Encik Umar Vadillo telah dibayar gaji sebanyak RM8,000 sebulan bagi tempoh tahun 2009 hingga Julai 2011.
- c. Encik Umar Vadillo telah dilucutkan jawatan sebagai CEO pada 31 Disember 2011 dan kemudiannya dilantik sebagai konsultan KGT mulai 1 Januari 2012 dengan bayaran sejumlah RM12,000 sebulan. Pelantikan sebagai konsultan juga dibuat tanpa sebarang surat pelantikan rasmi serta skop kerja. Perkhidmatan Encik Umar Vadillo sebagai konsultan telah dihentikan mulai 1 April 2013.
- d. Semakan Audit seterusnya mendapati Puan Nik Mahani binti Mohamad telah dilantik sebagai Pengarah KGT mulai 1 Mac 2009 dan seterusnya beliau juga dilantik untuk menjawat jawatan sebagai penolong kepada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) mulai 4 Mac 2009 dengan dibayar elau sebanyak RM4,000 sebulan. Perkara ini diputuskan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah KGT Bilangan 1/2009 bertarikh 4 Mac 2009. Puan Nik Mahani kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Eksekutif

dengan dibayar gaji sebanyak RM8,000 sebulan mulai Ogos 2011 sehingga beliau meletak jawatan pada Disember 2011. Pihak Audit mendapati kesemua pelantikan beliau untuk berkhidmat dengan KGT juga tidak mempunyai surat pelantikan rasmi. **Mengikut maklum balas KGT bertarikh 22 April 2015, surat pelantikan bagi jawatan pengurusan tertinggi serta lantikan Ahli Lembaga Pengarah sepatutnya dibuat oleh pihak PMBK.**

#### **2.4.3.2. Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness*, Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Ahli Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau mengikut peraturan syarikat yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sebanyak 5 kali pada tahun 2011, 3 kali pada tahun 2012 dan hanya 1 kali pada tahun 2013. Manakala bagi tahun 2014, mesyuarat Lembaga Pengarah telah dilakukan sebanyak 2 kali. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah berkaitan pelaksanaan polisi dan peraturan syarikat, laporan operasi syarikat, laporan akaun dan kewangan serta isu berkaitan bajet, perbelanjaan, operasi, pentadbiran dan sumber manusia.

#### **2.4.3.3. Standard Operating Procedures**

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Selain itu, ia memudah dan menyegerakan pihak pengurusan dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan. Sistem dan prosedur yang berkesan mampu mempertingkatkan produktiviti sesebuah syarikat. *Standard Operating Procedures (SOP)* hendaklah meliputi prosedur pelaksanaan projek, perakaunan dan kewangan, jualan, pengurusan kredit, terimaan wang, pembelian, pembayaran, penggajian, pengurusan sumber manusia dan pengurusan aset. Semakan Audit mendapati KGT telah menyediakan SOP sebagai panduan dalam melaksanakan operasi syarikat. SOP tersebut telah diluluskan oleh ahli Lembaga Pengarah di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3/2012 pada 31 Disember 2012.

#### **2.4.3.4. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan**

Mengikut amalan terbaik sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan syarikat. Antara fungsi utama Jawatankuasa adalah mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas, menyemak aktiviti dan pencapaian audit dalaman, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, mengkaji dan menentukan proses kawalan dalaman serta mengkaji dan memeriksa penyata kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan di

KGT kerana syarikat mengguna pakai Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan PMBK. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 3 kali bagi tahun 2011, 3 kali pada tahun 2012, 4 kali pada tahun 2013 dan 4 kali pada tahun 2014.

#### **2.4.3.5. Unit Audit Dalam**

Mengikut amalan terbaik sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004, penubuhan Unit Audit Dalam adalah untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus bagi membantu organisasi mencapai matlamatnya. Matlamat Unit Audit Dalam adalah bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran. Semakan Audit mendapati Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan di KGT memandangkan saiz syarikat yang kecil. Tugas audit dalam dijalankan oleh Bahagian Audit Dalam PMBK yang telah melaksanakan pengauditan terhadap pengurusan operasi dan kewangan pada 8 September 2011 hingga 29 November 2011. Pengauditan pengurusan fizikal stok telah dijalankan pada 16 Oktober 2014.

#### **2.4.3.6. Rancangan Korporat**

Mengikut amalan terbaik sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, semua syarikat Kerajaan perlu menyedia atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan tersebut perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk serta hendaklah selaras dengan objektif penubuhan sesebuah syarikat. Semakan Audit mendapati KGT telah menyediakan rancangan korporat bagi jangka panjang iaitu Pelan Pembangunan dan Perancangan 5 Tahun 2014/2018. Pelan ini telah merangkumi hala tuju syarikat, perancangan pemasaran & operasi serta aktiviti-aktiviti syarikat bagi sepanjang tahun 2014. Perancangan korporat bagi jangka panjang ini telah diluluskan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Khas Bil. K1/2014 pada 25 Mei 2014.

#### **2.4.3.7. Pembayaran Dividen**

Mengikut amalan terbaik, syarikat patut membayar dividen setiap tahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan selaku pemegang saham. Syarikat yang mempunyai keuntungan tetapi tidak bercadang untuk membayar dividen hendaklah memberikan butiran seperti sebab-sebab mengapa dividen tidak dapat dibayar, cadangan bayaran bonus kepada kakitangan (jika ada), cadangan penggunaan keuntungan dan asas-asasnya, kerugian terkumpul (jika ada) dan tahun kewangan di mana kerugian bersih dijangka boleh dihapuskan dan dividen dapat dibayar. Semakan Audit mendapati tiada dividen dibayar kepada pemegang saham bagi tahun 2011 walaupun mendapat keuntungan bersih sebanyak RM1.91 juta. Pada tahun 2012 dan 2013 syarikat mengalami kerugian terkumpul iaitu masing-masing berjumlah RM0.03 juta dan RM0.64 juta

#### **2.4.3.8. Corporate Integrity Pledge /Integrity Pact**

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.10 Tahun 2010, *Corporate Integrity Pact* perlu dilaksanakan oleh syarikat sebagai langkah pencegahan rasuah dalam urusan perolehan. Manakala Institut Intergriti Malaysia menggalakkan *Corporate Intergrity Pledge* yang merupakan satu ikrar anti rasuah diadakan. Semakan Audit mendapati syarikat masih belum menandatangani *Corporate Intergrity Pledge* dan tidak melaksanakan *Corporate Integrity Pact* dalam urusan perolehan seperti yang ditetapkan dalam surat pekeliling.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat KGT adalah kurang memuaskan di awal penubuhan KGT. Bagaimanapun, tadbir urus korporat syarikat mengalami penambahbaikan dari semasa ke semasa. Tadbir urus korporat yang baik boleh dicapai dengan mematuhi peraturan dan pekeliling berkaitan.**

#### **2.4.3.9. Pengurusan Kewangan**

Pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan dapat memantapkan operasi syarikat serta memastikan objektif syarikat tercapai. Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan kewangan KGT mendapati perkara seperti berikut:

##### **a. Aset Tidak Dimanfaatkan Bagi Menjana Pendapatan Kepada Syarikat**

- i. Mengikut amalan terbaik aset milik syarikat hendaklah dimanfaatkan sebaik mungkin bagi menjana pendapatan kepada syarikat. Semakan Audit mendapati KGT telah membeli satu unit kedai dengan keluasan lantai 1,491 kaki persegi di Parcel No.C510, Level 5, Building No. Centre Wing, Bandar Damansara Perdana Selangor bagi tujuan ruang pejabat cawangan KGT di Kuala Lumpur. Perjanjian jual beli telah ditandatangani di antara KGT dengan pemiliknya iaitu Sundram A/L Subramaniam bertarikh 11 Jun 2012. Pihak Audit mendapati KGT telah membuat bayaran pendahuluan berjumlah RM70,000 dan baki RM630,000 melalui pinjaman dengan Bank Islam. Tempoh bayaran balik pinjaman adalah selama 180 bulan dengan bayaran bulanan sejumlah RM4,851.72 bermula 5 Disember 2012 sehingga 5 November 2027. Seterusnya, KGT telah membelanjakan sejumlah RM217,922 untuk mengubahsuai ruang pejabat ini pada tahun 2012.
- ii. Semakan Audit mendapati unit kedai tersebut telah mula digunakan pada bulan Oktober 2012 sehingga Julai 2013. Mulai Ogos 2013 dan sehingga tarikh pengauditan selesai pada bulan Oktober 2014 iaitu selama 15 bulan, ruang pejabat tidak digunakan. KGT telah membelanjakan sejumlah RM72,776 bayaran pinjaman bank bagi 15 bulan tanpa mendapat apa-apa manfaat daripada aset tersebut. Mengikut Penolong Pengurus Kewangan Dan Pentadbiran KGT sekiranya ruang pejabat disewakan, kadar sewa yang boleh dikenakan untuk aset tersebut adalah sekitar RM3,000 sebulan.

- iii. Mengikut maklum balas KGT bertarikh 22 April 2015, KGT telah membuat pengiklanan dan melantik agen bagi tujuan penyewaan atau penjualan. Walau bagaimanapun, pasaran hartanah tidak memberangsangkan serta mengambil masa antara 1-2 tahun bagi mendapatkan pembeli. Terdapat banyak kekosongan unit bagi *level* yang sama pejabat dengan KGT. Perkara ini telah dibawa dalam mesyuarat Lembaga Pengarah serta perbincangan bersama Pengarah Eksekutif bagi mendapatkan penyewa atau pembeli dengan kadar segera.

## 2.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan KGT adalah kurang memuaskan. Bagi tujuan penambahbaikan dan mempertingkatkan prestasi syarikat, pihak Audit mengesyorkan KGT mengambil langkah berikut:

- 2.5.1.** Melaksanakan kajian semula terhadap penggunaan Dinar dan Dirham sebagai mata wang syariah di Kelantan khususnya dan di Malaysia amnya bagi memastikan objektif penubuhan KGT tercapai.
- 2.5.2.** Memastikan pengurusan, pengawalan dan penyeliaan stor/stok dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Mempertingkatkan usaha dan mengambil tindakan secara proaktif bagi memastikan stok dapat dijual serta mengurangkan perbelanjaan simpanan stok bagi memastikan syarikat mendapat keuntungan.
- 2.5.3.** Memastikan kawalan dalaman yang berkesan bagi pengurusan kewangan syarikat agar selaras dengan peraturan kewangan yang ditetapkan.
- 2.5.4.** Memastikan rekod diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan teratur bagi menjelaskan transaksi dan kedudukan kewangan syarikat.
- 2.5.5.** Memastikan aset dapat dimanfaatkan sewajarnya bagi menjana pendapatan kepada syarikat.





---

# PENUTUP

---



---

# PENUTUP

---

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**5 Mei 2015**







---

**[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)**

Jabatan Audit Negara Malaysia

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, 62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya